**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Malaysia beri 50,000 vaksin kepada Bosnia and Herzegovina

**Alor Gajah:** Malaysia akan menyumbangkan 50,000 dos vaksin COVID-19 kepada Bosnia and Herzegovina berikutan kesukaran negara itu mendapatkan bekalan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof, berkata sumbangan itu dibuat atas dasar perikemanusiaan dan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun, beliau menegaskan ia tidak akan menjejaskan Program Imunisasi COVID-19-19 Kebangsaan kerana negara memiliki bekalan vaksin mencukupi untuk kegunaan rakyat.

Katanya, perkara berkenaan diputuskan dalam mesyuarat Kabinet semalam dan Kementerian Luar akan mengambil tindakan selanjutnya bagi merealisasikan sumbangan itu.

"Ada negara dapat (vaksin) dan ada negara tidak dapat dan negara itu merayu kepada kita supaya memberikan sumbangan untuk membantunya. Kita beri kerana kita mengimbangi antara nyawa dengan kehidupan," katanya pada sidang media selepas menyampaikan taklimat isu semasa Pengurusan COVID-19 dan Proklamasi Darurat anjuran Jabatan Penerangan, di sini semalam.

Mohd Redzuan berkata, selain Bosnia and Herzegovina, Malaysia turut menerima permintaan dari negara Eropah Timur yang sukar mendapatkan bekalan vaksin, namun beliau enggan menjelaskan jenis vaksin yang bakal disumbangkan itu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, ada cadangan supaya siling pinjaman luar negara dinaikkan kepada RM45 bilion berbanding siling semasa RM35 bilion.

"Kalau perlu kita meminjam dari luar negara, kita cadangkan siling itu dinaikkan kepada RM45 bilion," katanya menambah, cadangan kenaikan siling itu bagaimanapun masih tidak melebihi 60 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu kadar yang dibenarkan untuk membuat pinjaman seumpama itu, katanya.

**RM45b**
cadangan siling pinjaman luar negara

Penularan COVID-19

# 1,285 kes baharu, 4 lagi kematian

## Selangor kekal catat angka harian tertinggi, 4 lagi kluster dikesan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Malaysia mencatat 1,285 kes baharu COVID-19 dan empat lagi kematian membabitkan rakyat negara ini, semalam.

Jangkitan baharu itu meliputi 1,268 penularan tempatan dan 17 kes import, sekali gus membawa kepada jumlah kumulatif 355,753 dengan 14,203 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor menyumbang angka harian tertinggi sebanyak 374 kes (29.1 peratus), diikuti Sarawak dengan 211 jangkitan (16.4 peratus) dan Pulau Pinang 162 kes (12.6 peratus).

Beliau berkata, tiga lagi negeri yang turut mencatat pertambahan kes tiga digit ialah Kuala Lumpur (120), Sabah (106) dan Johor (101).

"Empat kematian baharu direkodkan meliputi dua di Selangor dan masing-masing satu di Sabah serta Sarawak membabitkan warganegara berusia 60 hingga 83 tahun, menjadikan jumlah kumulatif 1,308 kes (0.37 peratus).

"Selain itu, empat kluster baharu COVID-19 dikenal pasti membabitkan tiga kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kluster tempat kerja terbabit ialah Kluster Jalan Taming di Selangor; Industri Parit Raja, Johor; dan Perusahaan Perai Tiga, Pulau Pinang.

Kluster Jalan Taming membabitkan daerah Petaling dan Hulu Langat dengan sembilan kes dikesan positif setakat ini, manakala Kluster Industri Parit Raja (Batu Pahat, 38 kes) dan Kluster Perusahaan Perai Tiga (Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara serta Timur Laut, 66 kes).

Kluster Padang Manggis dikenal pasti sebagai kluster komuniti yang baharu membabitkan daerah Pekan dan Kuantan di Pahang dengan 10 kes positif.

Dr Noor Hisham memaklumkan, 1,175 pesakit COVID-19 dilaporkan sembuh setakat jam 12 tengah hari semalam, menyaksikan jumlah kumulatif mencecah 340,242 kes (95.6 peratus).

Sebanyak 186 kes pula dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 81 memerlukan bantuan pernafasan.

> Empat kematian baharu direkodkan meliputi dua di Selangor dan masing-masing satu di Sabah serta Sarawak membabitkan warganegara berusia 60 hingga 83 tahun, menjadikan jumlah kumulatif 1,308 kes
>
> *Dr Noor Hisham Abdullah,*
> *Ketua Pengarah Kesihatan*



# Lima lokaliti Pekan dikenakan PKPD

**Kuala Lumpur:** Lima lokaliti di Pekan, Pahang, dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), bermula hari ini hingga 22 April depan.

Lokaliti terbabit ialah Taman Mentiga Jaya, Taman Perdana, Perkampungan Peramu Jaya 3, Taman Sepekan Makmur dan Kampung Pulau Serai.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata semua lokaliti itu adalah kawasan tempat tinggal pekerja kilang yang mencetuskan Kluster Teknologi Peramu Jaya.

"Hingga kini, Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan 495 ujian saringan, dengan secara kumulatif 67 kes positif telah direkodkan dalam kluster itu.

"KKM mengesahkan berlaku penularan COVID-19 di lokaliti itu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

"Selepas membuat penilaian risiko dengan pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD bermula 9 hingga 22 April ini di lima lokaliti terbabit," katanya dalam kenyataan, semalam.



*32 individu ditahan atas kesalahan merentas negeri atau daerah, kelmarin.* (Foto hiasan)

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, seramai 1,306 pekerja asing disaring, kelmarin, dengan 37 dikesan positif COVID-19.

Berdasarkan maklumat Kementerian Sumber Manusia (KSM), beliau berkata, sejumlah 677,690 pekerja asing sudah menjalani ujian saringan membabitkan 35,066 majikan, setakat ini.

"Daripada jumlah itu, 10,199 orang disahkan positif, manakala 667,491 lagi negatif. Program saringan ini membabitkan 1,544 klinik," katanya.

Sementara itu, 64 individu ditahan kerana mengingkari prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membabitkan 59 dikompaun dan lima lagi direman, kelmarin.

Kesalahan itu meliputi merentas negeri atau daerah tanpa kebenaran (32), tidak memakai pelitup muka (19), gagal merekodkan butiran diri (10) dan tiada penjarakan fizikal (tiga).

Ismail Sabri memaklumkan, 37 pendatang asing tanpa izin (PATI) pula ditahan dan enam kenderaan darat dirampas dalam Operasi Benteng, kelmarin.

Beliau berkata, 171 bot dan kapal dikesan di perairan negara melalui lima aktiviti pengliihatan, manakala 16 PATI diusir menerusi empat aktiviti pengusiran.

Katanya, Task Force Operasi Pematuhan diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan 65,329 pemeriksaan bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan SOP PKP, kelmarin.

**Terkini COVID-19**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1,175** Pulih, dibenar keluar hospital, semalam | **1,285** Kes baharu disahkan, semalam | **1,308** Jumlah kematian dicatat | **355,753** Jumlah kes disahkan positif | **14,203** Kes yang masih dirawat |

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Jawatankuasa khas kaji penggunaan AstraZeneca

## Kerajaan lebih utamakan keselamatan rakyat dalam buat keputusan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my




*Orang ramai mendaftar pada program Jom Daftar Vaksin sempena kempen 'Program Kesedaran Vaksinasi Kepada Komuniti' Peringkat Negeri Terengganu pada 1 April lalu.*

**Kuala Lumpur:** Keselamatan rakyat menjadi keutamaan kerajaan dalam membuat keputusan berhubung penggunaan vaksin AstraZeneca dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Menteri Penyelaras program berkenaan, Khairy Jamaluddin, berkata Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) akan memutuskan sama ada Malaysia akan terus menggunakan vaksin AstraZeneca dalam portfolio vaksin bagi penduduk negara ini.

Beliau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata ia susulan kesimpulan Agensi Ubat-ubatan Eropah (EMA) berhubung kes pembekuan darah yang dilaporkan selepas penggunaan vaksin AstraZeneca harus disenaraikan sebagai kesan sampingan vaksin yang mungkin berlaku.

"Kita mengambil maklum pengumuman EMA mengenai vaksin AstraZeneca.

"JKJAV akan mempertimbangkan perkara itu dan akan memutuskan sama ada kita akan terus menggunakan AstraZeneca dalam portfolio vaksin kita.

"Keselamatan adalah perkara utama," kata beliau dalam laman Twitternya, semalam.

Kelmarin, Khairy berkata, Malaysia masih mempunyai masa untuk membuat keputusan memandangkan vaksin AstraZeneca datang daripada kemudahan COVAX pada bulan hadapan.

Beliau berkata, isu membabitkan vaksin AstraZeneca juga sudah dibincangkan pada mesyuarat JKJAV Selasa lalu.

Jawatankuasa keselamatan EMA (PRAC) semalam membuat kesimpulan bahawa pembekuan darah luar biasa dengan platelet darah rendah harus disenaraikan sebagai kesan sampingan Vaxzevria (dahulunya vaksin COVID-19 AstraZeneca) yang sangat jarang berlaku.

Dalam kenyataan pada laman webnya, EMA memaklumkan, jawatankuasa itu mempertimbangkan semua bukti yang ada ketika ini, termasuk nasihat daripada kumpulan pakar sebelum membuat kesimpulan itu.

EMA mengingatkan profesional penjagaan kesihatan dan mereka yang menerima vaksin itu untuk kekal berjaga-jaga terhadap kemungkinan berlakunya kes pembekuan darah berserta platlet darah rendah yang sangat jarang berlaku dalam tempoh dua minggu selepas penerimaan vaksin.

Katanya, kebanyakan kes dilaporkan berlaku setakat ini membabitkan wanita berusia bawah 60 tahun dalam masa dua minggu selepas vaksinasi dan berdasarkan bukti sehingga kini, faktor risiko khusus belum dapat disahkan.



> "JKJAV akan mempertimbangkan perkara itu dan akan memutuskan sama ada kita akan terus menggunakan AstraZeneca dalam portfolio vaksin kita"

*Khairy Jamaluddin,*
*Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan*

## 346,270 individu sudah lengkapkan dos suntikan

**Kuala Lumpur:** Seramai 346,270 individu dalam kumpulan fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin mereka setakat kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata bagi tempoh sama, 546,762 individu menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin COVID-19 di negara kini adalah 893,032.

Menerusi satu infografik dikongsikan di laman Twitter rasminya semalam, Dr Adham berkata, lima negeri menerima suntikan dos pertama vaksin tertinggi ialah Selangor dengan 74,659, diikuti Sarawak (56,587), Perak (52,032), Sabah (50,918) dan Kuala Lumpur (49,114).

Lima negeri yang melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin COVID-19 tertinggi setakat ini ialah Selangor dengan 44,776 individu, seterusnya Sabah (36,956), Perak (34,235), Kuala Lumpur (30,421) dan Sarawak (29,332).

Sementara itu, jumlah pendaftaran program imunisasi itu seramai 8,235,692 atau 33.9 peratus dengan Selangor merekodkan angka tertinggi, iaitu 2,224,996 orang.

Mengikut perancangan program imunisasi berkenaan, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin bermula Februari hingga bulan ini membabitkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua yang dijangka bermula April hingga Ogos ini membabitkan 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas, kumpulan rentan dan orang kurang upaya (OKU), manakala fasa ketiga dijadualkan bermula Mei hingga Februari 2022 membabitkan individu 18 tahun dan ke atas dengan sasaran kira-kira 14 juta orang. BERNAMA

# Agensi di UK selesai nilai kejadian darah beku

**Kuala Lumpur:** Syarikat farmaseutikal global, AstraZeneca bekerjasama aktif dengan pengawal selia perubatan bagi melaksanakan perubahan kepada maklumat produk vaksin COVID-19 keluarannya.

Ia susulan kesimpulan oleh Agensi Ubat-Ubatan Eropah (EMA) mengenai kes pembekuan darah yang dilaporkan selepas penggunaan vaksin AstraZeneca harus disenaraikan sebagai kesan sampingan vaksin yang mungkin berlaku.

AstraZeneca memaklumkan, pihaknya juga sudah mula berusaha memahami kes individu, epidemiologi dan mekanisme yang mungkin dapat menjelaskan kes pembekuan darah berkenaan.

Katanya, Agensi Perundangan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (MHRA) United Kingdom (UK) dan EMA hari ini (semalam) menyelesaikan penilaian mengenai kejadian pembekuan darah dengan platlet darah rendah yang sangat jarang berlaku itu daripada 34 juta orang yang menerima vaksin AstraZeneca di UK dan Kesatuan Eropah (EU).

"Kemas kini bagi label UK dan EU untuk vaksin sudah diminta pengawal selia. Kedua-dua agensi tidak mengenal pasti faktor risiko seperti usia atau jantina, atau sebab yang pasti bagi kejadian sangat jarang berlaku ini.

"Bagaimanapun, mereka berpendapat kejadian ini mempunyai kemungkinan kaitan dengan vaksin dan meminta ia disenaraikan sebagai kesan sampingan yang sangat jarang berlaku.

"Secara keseluruhannya, kedua-dua ulasan mengesahkan vaksin ini menawarkan tahap perlindungan tinggi terhadap semua peringkat COVID-19 yang teruk dan kebaikannya adalah lebih daripada risiko," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Selain itu, AstraZeneca berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) hari ini (semalam) menyatakan, berdasarkan maklumat ketika ini, hubung kait berkenaan adalah munasabah namun tidak disahkan dan kajian khusus lebih lanjut diperlukan bagi memahami sepenuhnya potensi hubungan dengan vaksinasi serta faktor risiko yang mungkin berlaku.

Katanya, WHO turut menyatakan, kes pembekuan darah di bawah penilaian itu sangat jarang berlaku dengan jumlah yang rendah dilaporkan dalam kalangan hampir 200 juta individu menerima vaksin AstraZeneca di seluruh dunia.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

# 346,270 selesai dua dos suntikan vaksin

**Kuala Lumpur:** Seramai 346,270 individu dalam kumpulan fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin mereka setakat kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, bagi tempoh sama, 546,762 individu sudah menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin Covid-19 di negara kini adalah 893,032.

**49,114**
Jumlah penerima suntikan dos pertama di Kuala Lumpur

Menerusi satu infografik dikongsikan di laman Twitter rasminya semalam, Dr Adham berkata, lima negeri menerima suntikan dos pertama vaksin tertinggi ialah Selangor dengan 74,659 diikuti Sarawak (56,587), Perak (52,032), Sabah (50,918) dan Kuala Lumpur (49,114).

Lima negeri melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin Covid-19 tertinggi setakat ini ialah Selangor dengan 44,776 individu, seterusnya Sabah (36,956), Perak (34,235), Kuala Lumpur (30,421) dan Sarawak (29,332).

Sementara itu, jumlah pendaftaran untuk Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan seramai 8,235,692 atau 33.9 peratus dengan Selangor merekodkan angka tertinggi iaitu 2,224,996 pendaftaran.

Mengikut perancangan program imunisasi itu, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin yang bermula Februari hingga April ini akan melibatkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua dijangka bermula April hingga Ogos tahun ini membabitkan 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas, kumpulan rentan dan Orang Kurang Upaya manakala fasa ketiga dijadualkan bermula Mei hingga Februari 2022 membabitkan individu 18 tahun dan ke atas dengan sasaran kira-kira 14 juta orang. - Bernama




PETUGAS Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melakukan persiapan susun atur di Pusat Pemberian Vaksin Covid-19 (PPV) bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di Dewan Serbaguna Jawi, Nibong Tebal, Pulau Pinang, semalam.

**Kuala Lumpur**

VAKSIN ASTRAZENECA

# 'Ada masa kaji penggunaan'

Malaysia akan mengkaji penggunaan vaksin AstraZeneca Covid-19 di negara ini berikutan hasil dapatan Agensi Perubatan Eropah (EMA) bahawa pembekuan darah luar biasa berlaku dengan platelet darah rendah dan harus disenaraikan sebagai kesan sampingan vaksin yang sangat jarang berlaku.

Menteri Penyelaras program imunisasi itu Khairy Jamaluddin berkata, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) akan mempertimbangkan perkara itu.

"Kita mengambil maklum pengumuman EMA mengenai vaksin AstraZeneca. JKJAV akan mempertimbangkan perkara itu dan memutuskan sama ada kita akan terus menggunakan AZ (AstraZeneca) dalam portfolio vaksin negara kita. Keselamatan adalah perkara paling utama," katanya dalam Twitternya, semalam.

> *Kita mengambil maklum pengumuman EMA mengenai vaksin AstraZeneca"*
>
> *Khairy*

Kelmarin, Khairy berkata, Malaysia masih mempunyai masa untuk memutuskan sama ada akan meneruskan dengan penggunaan vaksin AstraZeneca, kerana ia hanya akan tiba dari fasiliti Covax pada Mei, nanti.

Jawatankuasa keselamatan EMA (PRAC), semalam membuat kesimpulan mengenai dapatan kajian mereka terhadap vaksin AstraZeneca dan mengesahkan bahawa manfaat vaksin itu dalam mencegah COVID-19 secara keseluruhan melebihi, risiko kesan sampingannya.

Agensi Kesatuan Eropah (EU) itu mengingatkan para profesional penjagaan kesihatan dan penerima vaksin agar terus berwaspada mengenai kemungkinan adanya kes pembekuan darah yang sangat jarang berlaku dan kombinasi kadar platelet darah rendah yang terjadi dalam tempoh dua minggu selepas divaksinasi.

"Setakat ini, sebahagian besar kes yang dilaporkan berlaku pada wanita berusia bawah 60 tahun dalam tempoh dua minggu menerima vaksin. Berdasarkan bukti yang ada kini, faktor risiko tertentu belum dapat disahkan," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik di laman webnya.

Jawatankuasa itu memaklumkan bahawa ia mengkaji 62 kes trombosis sinus vena serebrum dan 24 kes trombosis vena splanchnik yang dilaporkan dalam pangkalan data keselamatan ubat EU pada 22 Mac, dengan 25 juta orang telah menerima vaksin dan 18 daripada mereka maut.

PRAC juga mempertimbangkan semua bukti yang ada sekarang, termasuk nasihat daripada kumpulan pakar ad hoc.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19



SEBANYAK 14 laluan disediakan untuk tawaf dan tiga laluan paling hampir dengan Kaabah dikhaskan kepada warga emas serta orang kurang upaya.

# Buka izin umrah

## *Makkah sedia terima jemaah sudah divaksin Ramadan ini*

Bernama

**Jeddah**

Makkah bersedia untuk menerima jemaah umrah yang sudah menerima suntikan vaksin sempena Ramadan, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Perkara itu diumumkan pihak berkuasa berkaitan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Haji yang dipengerusikan Penasihat kepada Penjaga Dua Masjid Suci, selaku Gabenor Mekah Putera Khaled Al-Faisal, kelmarin.

Putera Khaled yang juga pengerusi jawatankuasa itu menekankan mengenai kepentingan usaha dan koordinasi bersepadu untuk memastikan semua persediaan menyambut kedatangan jemaah berjalan lancar demi keselamatan pengunjung di dua Masjid Suci.

Dalam mesyuarat itu, Kementerian Haji dan Umrah turut mengemukakan pelan musim Ramadan meliputi peningkatan operasi Masjidil Haram sambil mematuhi semua langkah pencegahan dikeluarkan pihak berwajib.

Permit menunaikan umrah akan diberikan kepada mereka yang sudah menerima dua dos vaksin Covid-19, mereka yang imun selepas 14 hari menerima dos pertama dan mereka yang imun serta sudah pulih daripada jangkitan.

Permohonan permit untuk menunaikan umrah, solat dan lawatan, slot waktu yang ada dan pengesahan akan dibuat melalui aplikasi (Eatmarna) dan (Tawakkalna).

Pengurusan Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi turut mengemukakan pelan operasi mereka sepanjang Ramadan yang akan dilaksana oleh 4,422 petugas.

Di bawah pelan operasi itu, 14 laluan disediakan untuk tawaf dan tiga laluan paling hampir dengan Kaabah dikhaskan kepada warga emas serta orang kurang upaya.

Hampir 5,000 pekerja lelaki dan wanita akan melakukan operasi pensterilan dan pembasmian kuman secara kerap, poster panduan turut akan diletakkan di semua ruang solat untuk meningkatkan kepatuhan kepada penjarakan sosial.

Di samping itu, Lapangan Terbang King Abdulaziz, turut menempatkan pasukan khas untuk menyambut ketibaan jemaah dan akan bekerjasama dengan agensi kerajaan serta penyedia perkhidmatan.

Pasukan itu akan mengendalikan jemaah semasa di lapangan terbang termasuk di terminal ketibaan dan pelepasan untuk memastikan jemaah mematuhi garis panduan ditetapkan Kementerian Kesihatan.

Semua kemudahan pengangkutan turut disediakan termasuk perkhidmatan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Haramain serta menetapkan laluan ekspres untuk jemaah umrah.

# Kadar zakat fitrah di Selangor kekal

**Shah Alam:** Kadar zakat fitrah di Selangor kekal seperti tahun sebelum ini iaitu pada kadar RM7, RM14 dan RM21.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Saipolyazan M Yusop berkata, penetapan itu berdasarkan kepada harga 2.6 kilogram beras Super Tempatan Gred A yang lazimnya digunakan penduduk di Selangor.

"Bagaimanapun, LZS menggalakkan golongan berkemampuan menunaikan zakat fitrah mengikut harga beras dimakan setiap hari bagi diri dan tanggungan. Ini digalakkan sejak 2018.

"Kadar zakat fitrah sebanyak RM14 seorang bagi individu yang memakan beras putih import, beras perang, beras pulut, herba ponni atau beras wangi.

"Manakala kadar zakat fitrah RM21 seorang bagi individu yang memakan beras basmathi, beras jepun atau beras merah," katanya selepas Majlis Worldwide Prihatin di Mercu Worldwide di sini, semalam.

Dalam pada itu, Saipolyazan memaklumkan kutipan zakat fitrah pada tahun lalu adalah berjumlah RM31.1 juta.

"Walaupun negara dilanda pandemik Covid-19 pada tahun lalu, jumlah berkenaan meningkat berbanding 2019 yang mana kutipan adalah sebanyak RM26 juta.

"Untuk tahun ini, kami tidak menetapkan sasaran tertentu, bagaimanapun kami ingin membuat kutipan yang lebih tinggi berbanding tahun lalu, tambahan pula pembayaran secara fizikal menerusi amil dilaksanakan semula," katanya.

Beliau berkata, bagi kutipan zakat keseluruhan, LZS menyasarkan kutipan sebanyak RM835 juta pada tahun ini.

Katanya, kutipan pada tahun lalu sangat memberangsangkan yang mana agensi itu mengutip RM913 juta berbanding RM855 juta pada 2019.

**LZS sasar kutipan sebanyak RM835 juta pada tahun ini**

# 1,285 kes baharu, 4 kematian semalam

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 1,285 kes baharu Covid-19 direkodkan negara, semalam dengan empat kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu 1,268 adalah jangkitan tempatan dan 17 adalah kes import.

Katanya, rekod itu menjadikan jumlah kes positif di Malaysia sehingga kini adalah 355,753 kes manakala jumlah kumulatif kematian adalah 1,308 kes.

"Sebanyak 186 pesakit dirawat di unit rawatan rapi dan 81 orang menggunakan alat bantuan pernafasan.

"Manakala, 1,175 kes sembuh hari ini (semalam) menjadikan keseluruhan 340,242 kes setakat ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, Selangor masih menjadi negeri dengan kes harian tertinggi iaitu 374 kes hasil saringan daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat di lapangan.

Ia diikuti Sarawak sebanyak 211 kes dan Pulau Pinang sebanyak 162 kes.

Mengenai kematian, Dr Noor Hisham berkata, semua pesakit meninggal dunia adalah warganegara dengan dua kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, empat kluster baharu yang dikesan adalah tiga kluster tempat kerja di Johor, Selangor dan Pulau Pinang iaitu Kluster Industri Parit Raja, Jalan Taming dan Perusahaan Perai Tiga, manakala satu kluster komuniti iaitu Kluster Padang Manggis di Pahang.

Katanya, 10 kluster tamat semalam, menjadikan jumlah kluster masih aktif adalah 348 buah.



TINJAUAN orang ramai menggunakan pengangkutan awam dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di KL Sentral, semalam.



"Sebanyak 186 pesakit dirawat di unit rawatan rapi"
Dr Noor Hisham

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

# Selangor kekal tertinggi 374 kes

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes harian negara kekal merekodkan angka melebihi 1,000 dengan 1,285 kes semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 kini mencecah sebanyak 355,753 kes.

Daripada jumlah tersebut, Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 374 kes dengan 292 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan diikuti oleh Sarawak sebanyak 211 kes dan Pulau Pinang sebanyak 162 kes.

Angka kes sembuh harian pula mencatatkan sebanyak 1,175 kes dengan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 340,242 kes.

Terdapat empat kematian di Selangor, Sabah dan Sarawak melibatkan tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 60 hingga 83 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit menjadikan sebanyak 1,308 kes kematian Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 47 kluster merekodkan peningkatan kes dengan empat daripadanya kluster baharu melibatkan tiga kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti di Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Pahang.




ROZILAWATI RAZALI dan Norhidayah Hassim menunjukkan penerangan mengenai vaksin Covid-19 dan cara mendaftar melalui telefon pintar di Alor Gajah, Melaka semalam. – RASUL AZLI

Menurutnya, kluster tempat kerja iaitu Kluster Jalan Taming dikesan di Petaling dan Hulu Langat, Selangor dengan sembilan kes hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di Jalan Taming 11, Taman Taming Jaya, Seri Kembangan, Petaling.

"Kluster Industri Parit Raja di Batu Pahat, Johor pula dengan 38 kes hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Parit Raja, Batu Pahat.

"Selain itu, Kluster Perusahaan Perai Tiga di Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Timur Laut, Pulau Pinang dengan 66 kes hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di Jalan Perusahaan Baru, Kawasan Perusahaan Perai 3, Seberang Perai Tengah," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, kluster komuniti pula ialah Kluster Padang Manggis di Pekan dan Kuantan, Pahang dengan 10 kes iaitu kes indeks hasil saringan individu bergejala.

Dalam pada itu, beliau berkata, daripada jumlah kes harian semalam sebanyak 17 kes import manakala sebanyak 1,268 kes penularan tempatan.

"Semalam 10 kluster diisytiharkan tamat," ujarnya.

**COVID-19**

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 1,285 |
| Import: | 17 |
| Tempatan: | 1,268 |
| Pulih | 1,175 |
| Kematian | 4 |
| Masih dirawat | 14,203 |
| Jumlah kes sembuh | 340,242 |
| Jumlah Kematian | 1,308 |
| Jumlah kes keseluruhan | 335,753 |

# 346,270 individu telah terima dos kedua vaksin Covid-19

**PETALING JAYA** – Seramai 346,270 individu di negara ini telah menerima suntikan dos kedua vaksin Covid-19 setakat semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, bagi tempoh sama, 546,762 individu telah menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin Covid-19 di negara kini adalah 893,032.

Menurut infografik di laman sosial Twitter beliau semalam, lima negeri terbanyak suntikan dos pertama vaksin diberikan ialah Selangor dengan 74,659 individu, diikuti Sarawak (56,587), Perak (52,032), Sabah (50,918) dan Kuala Lumpur (49,114).

Bagi penerima dos kedua pula, lima negeri terbanyak ialah Selangor (44,776), Sabah (36,956), Perak (34,235), Kuala Lumpur (30,421) dan Sarawak (29,332).

Setakat semalam, jumlah pendaftaran bagi suntikan Covid-19 adalah 8,235,692 individu ataupun 33.9 peratus.



SELANGOR negeri terbanyak menerima pendaftaran suntikan vaksin Covid-19. – GAMBAR HIASAN

Selangor menjadi negeri terbanyak menerima pendaftaran suntikan vaksin Covid-19 iaitu 2,224,996 individu, diikuti Johor (1,047,836), Kuala Lumpur (676,838), Sarawak (672,428) dan Perak (606,716).

Menurut infografik tersebut, hanya 13.1 peratus ataupun 385,423 penduduk Sabah mendaftar untuk menerima suntikan Covid-19, menjadikannya negeri paling sedikit daripada segi peratusan pendaftaran vaksinasi tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kaji vaksin AstraZeneca selepas dapatan EMA

Hasil dapatan mendapati pembekuan darah luar biasa dengan platelet darah rendah harus disenaraikan sebagai kesan sampingan vaksin jarang berlaku




